

## ANUGERAH INSENTIF PENDIDIKAN

Insentif Pendidikan adalah program untuk menghargai dan memberi ganjaran kepada anak-anak anggota koperasi yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik.

### Anugerah yang ditetapkan:-

#### TAHAP MENENGAH

Jenis Peperiksaan	Pencapaian	Insentif
SPM	9 kepujian atau lebih	RM600.00

#### TAHAP TINGGI

Jenis Peperiksaan	Pencapaian	Insentif
Universiti Umum (IPTA sahaja)	Surat tawaran universiti ATAU Surat UPU yang disahkan	RM800.00

### Syarat-syarat:-

1. Anugerah ini hanya terbuka kepada anak-anak anggota koperasi yang berkelayakan, status pembiayaan anggota hendaklah aktif dan tidak mempunyai rekod akaun tidak berbayar (NPL).
2. Calon yang berkelayakan (Tahap Menengah) dikehendaki mengemukakan keputusan yang disahkan sebagai bukti. Penyerahan adalah tidak melebihi sembilan puluh (90) hari selepas pengumuman keputusan peperiksaan.
3. Calon universiti (Tahap Tinggi) dikehendaki menyerahkan surat tawaran daripada universiti atau surat yang disahkan oleh Unit Pusat Universiti (UPU) terhad kepada calon universiti umum sahaja.
  - i. Permohonan hanya boleh dibuat selepas tarikh pendaftaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memberi tawaran.
  - ii. Keputusan peperiksaan atau kemasukan IPTA tidak boleh melebihi satu (1) tahun dari tarikh semasa.
4. Semua dokumen hendaklah disahkan (Mykad ahli, sijil kelahiran anak, Mykad anak, salinan sijil keputusan peperiksaan dan salinan surat tawaran universiti Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)).

*\* Kelulusan bagi setiap permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak pengurusan.*

*\*\*Berkuat kuasa dari 24hb Jun 2023*